

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum awda memohon akaun <i>Education Saver</i>. Sila baca juga Terma dan Syarat Am dan dapatkan penjelasan dari pihak kami sekiranya awda tidak memahami mana-mana bahagian di dalam dokumen ini dan syaratnya.	Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei <i>EDUCATION SAVER</i> Maklumat dalam Lembaran Pendedahan Produk ini adalah sah dari 29 Oktober 2021
1. Apakah produk <i>Education Saver</i> ini? • <i>Education Saver</i> adalah akaun simpanan yang menggunakan konsep Syariah <i>Qardh</i>. • Akaun ini adalah akaun simpanan komprehensif dengan tujuan khusus untuk mencapai impian pelanggan iaitu pendidikan.	
2. Apakah konsep Syariah yang digunakan? • Konsep Syariah yang digunakan adalah <i>Qardh</i>. • <i>Qardh</i> ialah sebuah kontrak pinjaman wang oleh pemberi pinjaman kepada peminjam yang mengikat pihak peminjam untuk membayar balik jumlah gantian yang sama kepada pemberi pinjaman. • Dalam konteks produk ini, pelanggan (pemberi pinjaman) menyimpan sejumlah wang di TAIB (peminjam) sebagai <i>Qardh</i> (pinjaman tanpa faedah).	
3. Siapakah yang boleh memohon produk ini? • Individu atau Pemegang Amanah a. Warganegara Brunei b. Penduduk Tetap Brunei c. Warganegara asing pemegang kad pengenalan hijau ➢ Semua peringkat umur ➢ Pemohon mestilah menetap di Brunei Darussalam ➢ Pemohon tidak tersenarai di dalam senarai dalaman TAIB (<i>TAIB Internal list</i>)	
4. Apakah dokumen yang diperlukan? • Warganegara Brunei dan Penduduk Tetap Brunei ➢ Kad pengenalan asal yang sah. ➢ Bukti pekerjaan (slip gaji terkini, surat pengesahan majikan atau butiran pengenalan kakitangan yang sah) *Diperlukan untuk pelanggan yang baru membuka akaun dan sebarang perubahan majikan sahaja (pelanggan sedia ada) • Warganegara asing ➢ Kad pengenalan asal yang sah. ➢ Pasport asal yang sah. ➢ Pas kerja atau Pas Tanggungan (Anak / Pasangan) – sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dalam perkhidmatan dengan pas kerja tidak kurang dari enam (6) bulan; ➢ Surat tawaran pekerjaan / perjanjian kontrak.	

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

- Bukti memuaskan berkaitan dengan alamat kediaman seperti perjanjian sewa / bil kemudahan.
- Borang sijil cukai (*Taxation Certification Form*).

5. Apakah yang perlu pelanggan lakukan semasa membuka akaun?

- Semasa pembukaan akaun, pelanggan akan diberikan teks tawaran dan penerimaan ("*Sighah Aqad*"), yang mana pelanggan dikehendaki untuk melafazkannya di hadapan kakitangan Perbadanan TAIB.

6. Apakah ciri-ciri produk ini?

- Akaun simpanan patuh Syara'.
- Wang deposit pelanggan adalah dijamin.
- E-Penyata, Perbankan Mudah Alih dan Perbankan Internet tersedia.

7. Apakah syarat-syarat bagi pengeluaran wang daripada akaun ini?

- *Hibah* tidak akan diberi sekiranya terdapat pengeluaran dalam sebulan tersebut.

8. Berapakah deposit awal diperlukan?

- Simpanan permulaan minimum ialah BND50.00.
- Baki Harian minimum ialah BND100.00.

9. Apakah terma dan syarat utama produk ini yang perlu pelanggan ketahui?

- Apabila kanak-kanak mencapai umur 18 tahun, akaun pemegang amanah akan ditukar secara automatik kepada akaun atas nama tunggal kanak-kanak itu, dan nama Pemegang Amanah akan dikeluarkan.
- Sila rujuk Terma dan Syarat Am untuk maklumat lanjut.

10. Apakah Fi yang perlu pelanggan bayar?

- Berikut adalah fi khas bagi produk ini:

Jenis Fi	Jumlah Fi
Penutupan awal akaun dalam tempoh enam (6) bulan	BND25.00
Caj dorman tahunan	BND10.00
Caj pengaktifan semula akaun	BND15.00
Simpanan wang syiling:	
Jumlah di atas BND50.00	BND5.00
BND200.01 ke atas (dari jumlah simpanan)	5%

- Fi adalah tertakluk kepada perubahan; sila rujuk kepada '**Jadual Tarif dan Fi TAIB**' untuk sebarang perubahan pada kadar dan fi perkhidmatan lain.

11. Apakah risiko utama yang berkaitan?

- *Hibah* hanya boleh ditentukan bergantung kepada keuntungan pelaburan dan tertakluk kepada budi bicara Perbadanan TAIB.
- *Hibah* tidak akan diberikan jika Baki Harian di bawah Baki Harian Minimum.
- *Hibah* tidak akan dibayar sekiranya ada pengeluaran di bulan tersebut.

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

12. Bagaimana cara menjaga keselamatan akaun ini?

- Pelanggan dinasihatkan untuk mempertimbangkan dengan teliti semua faktor risiko sebelum membuka akaun *Education Saver*.

13. Apakah yang perlu Pelanggan lakukan jika terdapat perubahan pada butiran perhubungan Pelanggan?

- Untuk memastikan Pelanggan menerima surat menyurat dan makluman daripada Perbadanan TAIB, Pelanggan hendaklah memaklumkan Perbadanan TAIB secepatnya jika terdapat perubahan di dalam butiran maklumat yang diberikan kepada Perbadanan TAIB.

14. Di manakah pelanggan boleh mendapat bantuan?

- Untuk mendapatkan bantuan, Pelanggan boleh mengunjungi cawangan Perbadanan TAIB atau menghubungi Pusat Panggilan Perbadanan TAIB di talian +673 2220299.
- Jika langkah penyelesaian Perbadanan TAIB bagi pertanyaan atau aduan kurang memuaskan, pelanggan boleh menghubungi Isu Pengguna Kewangan, Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) melalui e-mel di fci@bdcg.gov.bn atau datang terus ke alamat berikut:

Isu Pengguna Kewangan
 Brunei Darussalam Central Bank
 Tingkat 7, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi
 Commonwealth Drive
 Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam
 Tel: +673 2380007 / 8380007

15. Apakah Produk-Produk Simpanan lain yang sedia ada?

- | | |
|--------------|-----------------------------------|
| • Al-Wadiah | • <i>Medical and Health Saver</i> |
| • Tekad Haji | • <i>Property Saver</i> |
| • SiManja | • <i>Retirement Saver</i> |
| • Berjasa | |

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Terma dan syarat yang dinyatakan di dalam Lembaran Pendedahan Produk ini hendaklah dibaca bersama dengan Jadual Tarif dan Fi TAIB dan Terma dan Syarat Am TAIB.

Saya mengesahkan bahawa saya telah menjelaskan Lembaran Pendedahan Produk ini kepada Pelanggan.	Saya mengesahkan bahawa Lembaran Pendedahan Produk ini telah dijelaskan kepada saya, dan saya memahami penjelasan yang diberikan serta bersetuju untuk membuka akaun <i>Education Saver</i> yang berkonsepkan <i>Qardh</i> mengikut terma dan syarat yang ditentukan oleh Perbadanan TAIB.
Nama: No K/P: Tarikh:	Nama: No K/P: Tarikh:
..... (Untuk dan bagi pihak Perbadanan TAIB)	 (Tandatangan Pelanggan)